

<input checked="" type="checkbox"/>	Harian Metro
<input type="checkbox"/>	Metro Ahad
Tarikh:	24/9/2010
Hari:	Jumaat MS: 60
Ruangan:	1515/1516

Potongan gaji peminjam PTPTN

Dilaksana mulai 2013

>>Oleh Riadz Radzi
riadz@metro.com.my

SINTOK: Pemotongan gaji secara wajib bagi mendapatkan semula pinjaman daripada peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya akan dilaksanakan pada 2013 selepas rundingan mengenainya selesai, Jun tahun depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kenyataan Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said, mengenai tarikh pemotongan gaji iaitu bermula pada Jun 2011 yang disiarkan media baru-baru ini adalah salah.

"Tarikh itu adalah jangkaan kita mengenai rundingan itu akan selesai. Selepas itu, kita kena bentang pada Kabinet dan kemudian pinda undang-undang bertepatan sebelum melaksanakannya," katanya selepas menyaksikan



RASMI...
Mohamed Khaled menandatangani plak pelancaran tiga sekolah pengajian siswazah yang baru di UUM Sintok, semalam.

majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) di antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan University of Nottingham, kampus Malaysia dan Uniuutama Management Holdings Sdn Bhd dengan

MESB Development Sdb Bhd, semalam.

Beliau berkata, walaupun pada dasarnya kerajaan ber-setuju dengan kaedah mewajibkan bayaran balik pinjaman itu secara potongan gaji melalui Lembaga Hasil

Dalam Negeri (LHDN), namun masa yang sebenarnya belum ditetapkan.

"Jika semuanya selesai, ia mungkin hanya membabitkan pelajar yang mendapat tawaran pinjaman itu pada tahun ini, manakala pemin-

jam lama, termasuk yang sudah disenaraihitam, masih mengikut kaedah pembayaran sedia ada.

"Pelaksanaan ini memerlukan pelbagai kajian serta rundingan termasuk menetapkan gaji minimum bagi membolehkan pemotongan dibuat," katanya.

Sementara itu, mengenai rungutan sesetengah peminjam bahawa mereka masih menanggung kos pentadbiran tiga peratus walaupun PTPTN sudah mengurangkannya kepada satu peratus, Mohamed Khaled berkata langkah penyeragaman itu akan mengambil masa kerana PTPTN terpaksa menyemak satu persatu dokumen lebih 1.5 juta peminjam.

"Setiap peminjam buat bayaran tak sama, ada yang lebih, ada yang kurang, jadi kita kena kira satu-satu sebab itu ambil masa nak tukar daripada tiga peratus kepada satu peratus," katanya.